

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]
TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai data statistik pertambahan pemilikan kenderaan individu di seluruh negara dalam jangkamasa 5 tahun lepas dan adakah ada perancangan strategik untuk mengawal kadar pertambahan kenderaan tersebut berbanding dengan kemudahan jalanraya sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian mempunyai data statistik pertambahan pemilikan kenderaan individu di seluruh negara dalam jangkamasa 5 tahun lepas dengan melihat kepada jumlah pendaftaran baharu bagi kenderaan individu setiap tahun.

2. Secara keseluruhan, **purata jumlah pertambahan pemilikan kenderaan individu** daripada tahun 2018 sehingga 2022 adalah sebanyak **1.01 Juta setahun** dengan **purata peratus pertambahan sebanyak 8.14 peratus**.

3. Berkenaan dengan perancangan strategik untuk mengawal kadar pertambahan kenderaan tersebut, Kerajaan sentiasa komited untuk memperkasakan pengangkutan awam sebagai perkhidmatan yang penting kepada rakyat sama ada di Lembah Klang, bandar-bandar atau di luar bandar. Terdapat beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti:

- i. menawarkan pelbagai jenis produk seperti Pas Bulanan Tanpa Had My50 bagi memenuhi keperluan penumpang melalui Prasarana; dan
- ii. menawarkan Pas Perjalanan Percuma untuk OKU dan pelajar sekolah bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan KTM Komuter;

4. Dalam masa beberapa tahun lagi, rangkaian rel di Lembah Klang / Kuala Lumpur akan dilebarkan. Projek MRT Putrajaya (MRT2) sejauh 57.1 km telah beroperasi pada 16 Mac 2023. Manakala projek LRT3 sejauh 37.6 km pula dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung 2024. Selain itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 km yang merupakan projek rel yang akan menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur

dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan dijangka siap pada penghujung tahun 2026.

5. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sedang dalam pertimbangan pelaksanaan Projek MRT3 yang merupakan sebuah laluan lingkaran meliputi perimeter luar bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian kawasan berpenduduk padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor. MRT 3 dirancang dengan laluan sepanjang 51km di mana 39 kilometer terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 12 kilometer terletak di Selangor. Laluan lingkaran ini akan merentasi rangkaian rel sedia ada, termasuk laluan MRT1, MRT2, LRT, Monorel dan KTM Komuter untuk membentuk 10 buah stesen pertukaran (*interchange station*) baharu supaya sistem rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang ini lebih menyeluruh, berkesinambungan dan efisien.

6. Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi berkaitan juga sedang mengusahakan penambahbaikan perkhidmatan bas termasuk mengembangkan perkhidmatan myBAS ke Sabah, Sarawak dan Melaka, melaksanakan percubaan laluan-laluan bas di Lembah Klang, menaiktaraf perhentian bas, menambah bilangan bas henti-henti yang ada dalam perkhidmatan dan menambah laluan bas baharu sebagai penghubung kepada laluan-laluan rel yang berbeza.

Sekian, terima kasih.

